



6 September 2013
6 September 2013
P.U. (B) 367

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT STRANDED WIRE YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA

*NOTICE OF AFFIRMATIVE PRELIMINARY DETERMINATION
OF AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH
REGARD TO IMPORTS OF STRANDED WIRE ORIGINATING
OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT *STRANDED WIRE* YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA

(AD 03/13)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(3) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 12 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan Malaysia telah membuat penentuan awal bahawa—

- (a) suatu margin lambakan wujud berkenaan dengan import *stranded wire* yang dikelaskan di bawah Kod Sistem Yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7312.10.000 (“dagangan subjek”) yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China; dan
- (b) kemudaratan didapati wujud kerana industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudaratan material disebabkan oleh pengimportan dagangan subjek itu yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China ke dalam Malaysia.

Sebab-sebab bagi penentuan

2. Sebab-sebab bagi penentuan awal afirmatif adalah seperti yang berikut:

- (a) harga eksport dagangan subjek yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China ke dalam Malaysia adalah kurang daripada nilai normalnya;
- (b) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudaratan material yang boleh dengan semunasabahnya dikaitkan dengan pengimportan dagangan subjek itu yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China; dan

- (c) margin lambakan yang didapati wujud melalui kegiatan lambakan oleh pengeluar atau pengeksport dari Republik Rakyat China adalah seperti yang berikut:

Pengeluar/Pengeksport	Margin lambakan
Republik Rakyat China	
Silvery Dragon PC Steel Products Group Co. Ltd., Tianjin	-10.26%
Chongqing Longtai Rare Earth & New Materials Co. Ltd.	-8.98%
Hunan Xianghui Metal Products Co. Ltd.	12.39%
Maanshan Dingtai Rare Earth & New Materials Co. Ltd.	-5.27%
Lain-lain	12.39%

Langkah-langkah sementara yang terpakai

3. Langkah-langkah sementara adalah tidak terpakai semasa tempoh penyiasatan.

Had masa bagi penentuan muktamad

4. Had masa bagi penentuan muktamad penyiasatan adalah seratus dua puluh hari dari 7 September 2013.

Rekod penyiasatan

5. Salinan rekod penyiasatan boleh didapati oleh orang awam di—

Seksyen Amalan Perdagangan
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
 Tingkat 14, Blok 8
 Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan
 Jalan Duta
 50622 Kuala Lumpur
 MALAYSIA
 Nombor Telefon: (603) 6200 0111/0119/0124
 Nombor Faksimili: (603) 6201 6394